

Ruj. Kami : MQA.100-1/3/2 ( 3 )

Tarikh : **23** Februari 2024

POLISI TIDAK MENERIMA HADIAH

## KEPADA SEMUA PEMBERI PENDIDIKAN TINGGI (PPT)

Tuan/puan,

### SURAT MAKLUMAN MQA BIL. 1/2024

#### KETETAPAN TEMPOH SAH LAKU PERAKUAN PENDAFTARAN PREMIS, KELULUSAN PENGENDALIAN PROGRAM DAN PERAKUAN AKREDITASI SEMENTARA UNTUK PERMOHONAN AKREDITASI SEMENTARA DAN AKREDITASI PENUH

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Untuk makluman, MQA kerap menerima permohonan Akreditasi Sementara dan Akreditasi Penuh dari Pemberi Pendidikan Tinggi (PPT) dalam situasi di mana tempoh perakuan pendaftaran premis dan kelulusan pengendalian program hampir tamat. Perkara ini memberi kesan kepada proses penilaian Akreditasi Sementara dan Akreditasi Penuh, sama ada ditangguhkan penilaian atau ditamatkan proses. Bagi memastikan tempoh piagam pelanggan tidak terjejas, maka MQA telah membuat ketetapan berkenaan tempoh sah laku perakuan pendaftaran premis, kelulusan pengendalian program dan juga Perakuan Akreditasi Sementara semasa PPT mengemukakan permohonan Akreditasi Sementara dan Akreditasi Penuh.

3. Ketetapan ini akan melibatkan beberapa perubahan seperti berikut:

#### 3.1 SEMASA PERMOHONAN

- i. Permohonan Akreditasi Sementara hanya boleh diterima sekiranya **tempoh perakuan pendaftaran premis berbaki sekurang-sekurangnya 6 bulan.**
- ii. Permohonan Akreditasi Penuh hanya boleh diterima sekiranya **tempoh perakuan pendaftaran premis dan tempoh kelulusan pengendalian program berbaki sekurang-sekurangnya 6 bulan.**
- iii. Sekiranya tempoh **Perakuan Akreditasi Sementara (PAS) sedia ada berbaki kurang dari 6 bulan atau telah tamat**, PPT juga dikehendaki membuat bersekali permohonan pelanjutan tempoh PAS semasa membuat permohonan Akreditasi Penuh kepada MQA.

### 3.2 SEMASA PENILAIAN

#### Penilaian Akreditasi Sementara

- i. Proses penilaian Akreditasi Sementara akan **ditangguhkan** sekiranya tempoh perakuan pendaftaran premis tamat dalam situasi berikut:
  - a) **sebelum lawatan penilaian** (bagi program yang memerlukan lawatan kemudahan); atau
  - b) **sebelum** dibentangkan di Mesyuarat Jawatankuasa Akreditasi (MJA)
- ii. **PPT diberi tempoh 6 bulan untuk mengemukakan perakuan pendaftaran premis yang telah diperbaharui oleh Jabatan Pendidikan Tinggi, Kementerian Pendidikan Tinggi (JPT, KPT).** Sekiranya PPT gagal berbuat demikian, penilaian program akan ditamatkan proses. Surat kepada PPT akan dikeluarkan untuk memaklumkan perkara ini.

#### Penilaian Akreditasi Penuh

- i. Proses penilaian Akreditasi Penuh akan **ditangguhkan** sekiranya tempoh perakuan pendaftaran premis dan / atau tempoh kelulusan pengendalian program tamat dalam situasi berikut:
  - a) **sebelum lawatan penilaian**
  - b) **selepas lawatan penilaian**, sekiranya belum ada pelajar yang bergraduat sehingga tarikh tamat perakuan pendaftaran premis dan / atau kelulusan pengendalian program;  
  
dan/ atau  
  
dapatkan penilaian program mendapati terdapat isu penawaran *Body of Knowledge (BoK)* dan pelajar perlu mengambil BoK atau komponen berkaitan sebelum bergraduat.
- ii. **PPT diberi tempoh 6 bulan untuk mengemukakan perakuan pendaftaran premis yang telah diperbaharui dan / atau kelulusan pengendalian program yang telah diberi pelanjutan oleh JPT, KPT.** Sekiranya PPT gagal berbuat demikian, penilaian program akan ditamatkan proses. Surat kepada PPT akan dikeluarkan untuk memaklumkan perkara ini.
- iii. Walau bagaimanapun, proses penilaian Akreditasi Penuh akan **diteruskan** walaupun tempoh perakuan pendaftaran premis dan / atau tempoh kelulusan pengendalian program tamat **selepas lawatan penilaian bagi situasi berikut:**

a) terdapat pelajar yang akan bergraduasi sebelum tarikh tamat perakuan pendaftaran premis dan / atau kelulusan pengendalian program;

dan / atau

b) tiada isu penawaran BoK

- iv. Bagi program yang diluluskan oleh MJA, program tersebut akan diberikan Akreditasi bertempoh yang akan bermula dari tarikh dokumen lengkap sehingga tarikh tamat perakuan pendaftaran premis atau tarikh tamat kelulusan pengendalian program, berdasarkan mana-mana yang akan tamat tempoh terlebih dahulu.
- v. Siaran keputusan Akreditasi Penuh di laman web MQA dan penyenaian dalam *Malaysian Qualifications Register* (MQR) akan menyatakan tempoh sah laku yang ditetapkan.
- vi. **PPT diberi tempoh 6 bulan dari tarikh MJA untuk mengemukakan perakuan pendaftaran premis yang telah diperbaharui dan / atau kelulusan pengendalian program yang telah diperbaharui oleh JPT, KPT.** Seterusnya PPT perlu mengemaskini status Akreditasi Penuh dengan melengkapkan **Borang J - Permohonan Bagi Penggantian Perakuan** dan membuat bayaran fi yang ditetapkan.

4. Ketetapan ini bertujuan untuk memastikan pengurusan penilaian permohonan Akreditasi Sementara dan Akreditasi Penuh menjadi lebih efisien dan sistematik.

5. Selaras dengan keputusan ini, **Surat Makluman MQA Bil. 1/2020 bertarikh 16 Januari 2020 – Penghentian Proses Penilaian Akreditasi Penuh adalah terbatal selepas 30 Jun 2024.**

6. Pelaksanaan dan pematuhan terhadap pindaan ini adalah berkuatkuasa untuk semua permohonan dan penilaian Akreditasi Sementara dan Akreditasi Penuh yang dikemukakan mulai **01 Julai 2024.**

Sekian, terima kasih.

**"PENDIDIKAN TINGGI BERKUALITI GLOBAL"**

**"MALAYSIA MADANI"**

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,



**DATU' PROF. DR. MOHAMMAD SHATAR BIN SABRAN (DIMP, DPMP)**

s.k.:

1. YBhg. Ketua Setiausaha  
Pejabat Ketua Setiausaha  
Kementerian Pendidikan Tinggi  
Aras 17, No. 2, Menara 2  
Jalan P5/6, Presint 5  
**62200 W.P. PUTRAJAYA**
2. YBhg. Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi  
Jabatan Pendidikan Tinggi  
Kementerian Pendidikan Tinggi  
Aras 9, No. 2, Menara 2  
Jalan P5/6, Presint 5  
**62200 W.P. PUTRAJAYA**
3. YBhg. Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia  
Kementerian Pendidikan Malaysia  
Aras 8, Blok E8, Kompleks E  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
**62604 W.P. PUTRAJAYA**
4. YBhg. Ketua Pengarah  
Jabatan Pendidikan Politeknik & Kolej Komuniti  
Kementerian Pendidikan Tinggi  
Aras 5, Galeria PjH, Jalan P4w  
Persiaran Perdana, Presint 4  
**62100 W.P. PUTRAJAYA**
5. SUSK YB Menteri Pendidikan Tinggi  
Pejabat Menteri Pendidikan Tinggi  
Kementerian Pendidikan Tinggi  
Aras 18, No. 2, Menara 2  
Jalan P5/6, Presint 5  
**62200 W.P. PUTRAJAYA**
6. Ketua Eksekutif  
Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)  
Tingkat Bawah, Menara PTPTN  
Blok D, Megan Avenue II  
No.12, Jalan Yap Kwan Seng  
**50450 W.P. KUALA LUMPUR**

7. Ketua Pegawai Eksekutif  
Education Malaysia Global Services (EMGS)  
Tingkat 20, Menara TA One  
22 Jalan P Ramlee  
**50250 W.P. KUALA LUMPUR**
  
8. Sekretariat  
Jawatankuasa Naib Canselor/Rektor Universiti Awam (JKNC/R UA)  
Pejabat Naib Canselor  
Aras 2, Bangunan Canseleri  
Universiti Pendidikan Sultan Idris  
**35900 TANJONG MALIM, PERAK**
  
9. Sekretariat  
Jawatankuasa Timbalan-Timbalan Naib Canselor/Rektor (Akademik & Antarabangsa) Universiti Awam (JKTNCRA-UA)  
Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)  
Universiti Sains Malaysia  
**11800 USM, PULAU PINANG**
  
10. Sekretariat  
Majlis Dekan Pengajian Siswazah Universiti Awam  
Institut Pengajian Siswazah (IPSiS)  
Tingkat 4, Bangunan Sarjana  
Universiti Teknologi MARA  
**40450 SHAH ALAM, SELANGOR**
  
11. Sekretariat  
Majlis Naib Canselor IPTS (Vice Chancellors Council for Private University, VCCPU)  
Pendaftar International Medical University (IMU)  
No.126, Jalan Jalil Perkasa 19  
Bukit Jalil  
**57000 KUALA LUMPUR**
  
12. Presiden  
Persatuan Kebangsaan Institusi Pengajian Tinggi Swasta Bumiputera Malaysia (PKIBM)  
c/o Pejabat Komunikasi Korporat, Kumpulan Pendidikan Uniti  
Pt 7445 & Pt 7446, Jalan Bbn1/2h, Putra Point 1  
Bandar Baru Nilai 1  
**71800 NILAI, NEGERI SEMBILAN**

13. Presiden  
Malaysian Association of Private Colleges and Universities (MAPCU)  
c/o Asia Pacific Institute of Information Technology (APIIT)  
Jalan Inovasi 1, Techonology Park Malaysia  
Bukit Jalil  
**57000 KUALA LUMPUR**
14. Presiden  
National Association of Private Educational Institutions (NAPEI)  
A-1-3, Block A, 8 Avenue, Jalan Sungai Jernih 8/1  
**46050 PETALING JAYA, SELANGOR**
15. Presiden  
Persatuan Institusi Pendidikan Tinggi Swasta Sabah (PIPTSS)  
1<sup>st</sup>-3<sup>rd</sup> Floor  
85, Jalan Gaya  
**88000 KOTA KINABALU, SABAH**
16. Presiden  
Persatuan Institusi-Institusi Pendidikan Tinggi Sarawak (PERINTIS)  
Pusat Pembangunan Kemahiran Sarawak/ International College of  
Advance Technology Sarawak  
Jalan Canna, Off Jalan Wan Alwi, Tabuan Jaya  
**93350 KUCHING, SARAWAK**
17. Presiden  
Society For Malaysian Higher Education Institutions Quality Assurance  
Network (MyQAN)  
UCSI University  
No. 1, UCSI Heights, Jalan Puncak Menara Gading  
Taman Connaught  
**56000 CHERAS, W.P. KUALA LUMPUR**